



Headline: Macau Scam: Tiada pelajar universiti terlibat  
Publication/Portal: Utusan Malaysia  
Date: 26 November 2018

Language: Malay  
Section: Dalam Negeri  
Page: 13



MOHD. KHALIL KADER

## **Macau Scam: Tiada pelajar universiti terlibat**

**JOHOR BAHRU 25 Nov.** - Tiada pelajar universiti di negeri ini terlibat atau menjadi alat sindiket penipuan komersial seperti *Macau Scam*.

Ketua Polis negeri, Datuk Mohd. Khalil Kader Mohd ketika mengesahkan perkara itu berkata, setakat ini, tiada laporan dibuat atau diterima dari mana-mana pihak berkaitan.

“Setakat ini kita belum ada sebarang maklumat berkaitan kes yang timbul (berkaitan pelajar) tetapi kita sudah ingatkan (masyarakat) agar jangan mudah percaya,” katanya selepas merasmikan Rumah Persatuan Keluarga Polis (Perkep) di Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri di sini hari ini.

Meskipun begitu, Mohd. Khalil menyatakan kekecewaan beliau mengenai masih ramai yang tidak mengambil berat tentang bahayanya sindiket penipuan walaupun pihaknya telah berkali-kali memberi peringatan selain turut menasihatkan ibu bapa agar lebih peka terhadap tindak-tanduk anak-anak.

“Saya hendak nasihatkan lagi, kita polis Johor tiap-tiap hari kita post di Facebook berkaitan ‘penipuan’ ini untuk beri pendidikan tetapi saya tengok tiada yang baca dan komen, jadi dari situ kita tahu orang ramai tidak mengambil serius perkara ini.

“Bila sudah jadi mangsa, baru hendak jadikan isu, sedangkan mereka sendiri tidak serius dalam menjaga diri sendiri, jadi semua pihak perlu memainkan peranan, jadi semua pihak perlu beri penerangan kepada anak-anak dan anak-anak perlu rujuk kepada ibu bapa, guru dan pensyarah jangan terus percaya,” katanya.